

Gadai nyawa redah arus deras

Penduduk di Batu 11 mohon peruntukan baiki titi yang runtuh untuk seberang sungai ke jalan utama

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - "Anak kerap ponteng sekolah tahun lepas masa musim hujan sebab titi yang kami buat sering dihanyutkan arus deras," luah seorang ibu, Marshita Jamaludin, 43, yang tinggal di Batu 11 di sini.

Marshita berkata, situasi itu dialami mereka sekeluarga bersama lima pemilik rumah lain selepas jambatan yang menjadi penghubung antara kawasan rumah mereka ke jalan utama runtuh sekitar 2011.

Menurutnya, dia mula memohon bantuan daripada wakil rakyat dua tahun lalu selepas insiden adiknya terjatuh ke dalam sungai sehingga cedera di bahagian kepala dan menerima 10 jahitan.

"Dah lebih tiga kali titi yang kami buat dihanyutkan arus deras dan terbaru, Rabu lalu. Dua anak saya tak dapat ke sekolah dan saya pula tak dapat keluar bekerja.

"Setiap hari anak sulung saya akan tolong adik-adiknya meredah air sungai untuk ke sekolah sebab bimbang keselamatannya. Kalau keadaan tak mengizinkan terpaksa mereka ponteng sekolah," katanya.

Tambahnya, masalah tersebut sangat dirasai jika air sungai deras sehingga menghalang aktiviti harian untuk ke tempat kerja dan sekolah selain

jika berlaku kecemasan.

"Pernah sekali masa bulan puasa, anak saya tak dapat balik ke rumah dan berbuka di dalam kereta. Selagi air tak surut terpaksa bermalam di mana-mana, adakala sampai pagi baru boleh balik tukar baju dan ke tempat kerja.

"Nampak airnya tak dalam tapi kalau hujan paras air sungai naik tiga ke empat kali ganda dan membawa bermacam sampah termasuk dahan pokok, balak dan juga tilam dibuang penduduk," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Gombak Utara, Mahamad Said Zakaria berkata, pihak Pusat Khidmat Masyarakat Gombak Setia bersetuju membina jambatan baharu hasil mesyuarat yang dijalankan, kelmarin.

"Kos anggaran pembelian peralatan dianggarkan RM25,000, sementara pembinaannya akan menggunakan khidmat kepakaran pihak luar. Dijangka projek akan dijalankan awal Mac ini.

"Dianggarkan lima rumah berada di seberang sungai tersebut dan terdapat juga pemilik tanah di situ yang belum bina rumah atas faktor kemudahan penghubung jalan.

"Diharapkan peruntukan jambatan tersebut atasi risiko yang dihadapi penduduk menggunakan titi menyeberang sungai untuk ke jalan utama," katanya.



MARSHITA



Marshita dan keluarga menggunakan titi buatan sendiri sejak jambatan utama runtuh kira-kira enam tahun lalu.



Anak-anak yang bergantung dengan titi buatan penduduk untuk ke jalan utama.



Mohamad Said melihat titi yang digunakan sejak enam tahun lalu.